



Ruj.Kami: ANM(A)NS.078 JLD.21 (61)
Tarikh : 12 Oktober 2023

**Semua Ketua Jabatan
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PENYEDIAAN PENGESAHAN BAKI OLEH PTJ PEMBAYAR BAGI PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN (KKS) LEJAR AKRUAN BAGI PENUTUPAN AKAUN INTERIM PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN KEWANGAN 2023 (30 SEPTEMBER 2023)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bernombor rujukan JANM.BPOPA.600-2/2/5 Jld.1 (14) bertarikh 11 Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, JANM perlu menyediakan Kertas Kerja Sokongan (KKS) Lejar Akruan bagi Penutupan Akaun Interim Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2023 (30 September 2023) untuk dikemukakan kepada Kementerian dan Ibu Pejabat JANM bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara. Bagi tujuan tersebut pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pembayar perlu menyediakan dan mengemukakan Pengesahan Baki berdasarkan Panduan Penyediaan Pengesahan Baki yang dilampirkan bagi item penyata kewangan/kod akaun seperti jadual berikut:

Bil	Item Penyata Kewangan/Kod Akaun Yang Memerlukan Pengesahan Baki	Lampiran yang perlu dikemukakan	Dikemukakan kepada:
1.	Inventori (Siri A06* dan A07*) – bagi PTJ inventori sahaja	Lampiran C1	Unit Pengurusan Aset JANM Negeri Sembilan 06-768 6866 / 6864 / 6860 / 6859 / 6862/6869

2.	Hasil Bukan Cukai Belum Terima (A027*)	Lampiran B2	Unit Akaun JANM Negeri Sembilan 06-768 6875 / 6871 / 6892/ 6830 / 6839 / 6890 / 6835
3.	Terimaan Tak Ditunai / Cek Tak Laku (A0311101)	Lampiran B3	Unit Akaun JANM Negeri Sembilan 06-768 6875 / 6871 / 6892/ 6830 / 6839 / 6890 / 6835
4.	Akaun Belum Terima (ABT) <i>Ongoing Receivables</i> (Siri A048*)	Lampiran B7 Lampiran B7(A)	
5.	Deposit Bayaran (Siri A052*)	Lampiran D1 (A) Lampiran D1 (B)	
6.	Perbelanjaan Terdahulu Aset (Siri A053*)	Lampiran D2	
7.	Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) (A0591101)	Lampiran D3 (A)	
8.	Aset Belum Bayar (Siri L013*)	Lampiran G1	
9.	Akaun Belum Bayar GRN/FRN Transit Aset (L0191103)	Lampiran G3	
10.	Pendapatan Terdahulu (Siri L037*)	Lampiran L	
11.	Deposit (Siri L11*)	Lampiran N (A) Lampiran N (B)	

3. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan juga hendaklah memastikan Pengesahan Baki tersebut disediakan dengan tepat beserta dengan semua dokumen sokongan yang lengkap dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan **selewat-lewatnya pada 20 Oktober 2023 (Jumaat)**. Turut dilampirkan Panduan Penyediaan Kertas Kerja Sokongan Penutupan Akaun Interim Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Kewangan 2023 – Lejar Akruan (30 September 2023) untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan.

4. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh akhir penjanaan Laporan di Portal iGMAS bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Akruan (Interim - 30 September 2023) oleh PTJ adalah pada 16 Oktober 2023 (Isnin). Selepas tarikh ini, baki di laporan-laporan berkaitan (rujuk panduan penyediaan KKS Akruan Tahun 2023) akan berubah dan tidak akan sama dengan Penyata Kewangan Bagi Bulan Berakhir 30 September 2023. Ini adalah susulan aktiviti MDM bagi akaun PFI II yang akan bermula pada 17 Oktober 2023 (Selasa) dan aktiviti ini akan melibatkan tarikh posting ke belakang (*backdated*). Sehubungan dengan itu PTJ diminta untuk menjana Laporan yang berkaitan bagi penyediaan KKS Interim selewat-lewatnya 16 Oktober 2023 (Isnin).

5. Perhatian dan Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan kelancaran penyediaan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penutupan Akaun Interim Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2023 (30 September 2023).


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(HALIZATUL SAFIZAH BINTI ABDUL SEMAT c.a (M))

b.p: Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan